



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 20 MEI 2021

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	MAQIS FOILS ATTEMPT TO EXPORT EEL EGGS, BRIEFS, THE SUN -3 MAQIS RAMPAS 24 TAN SUSU SKIM DARI PERANCIS, NEGERI, SH -25 MAQIS SELANGOR RAMPAS 150KG BENIH BELUT, JENAYAH, SH -22 GAGAL SELUDUP KELUAR 150KG BENIH BELUT, LOKAL, HM -21	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
5.	PESAWAH RUGI BENIH PADI BARU TABUR DIHANYUT BANJIR, NASIONAL, BH -23	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
6.	TIGA BOT NELAYAN DIKENDALI WARGA MYANMAR KENA TAHAN, NASIONAL, BH -23	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7. 8.	PEKEBUN RUNSING TEMBIKAI TAK LAKU, NEGARA, KOSMO -16 LAMBAKAN BUAH TEMBIKAI, HARGA JATUH 80 SEN SEKILOGRAM, DALAM NEGERI, UM -32	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
9.	DODOL 12 MINIT KETUHAR GELOMBANG MIKRO, GAYA INOVASI, UM -24 &25	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
10. 11.	PELAJAR BINA SISTEM PERTANIAN BANDAR, GAYA KAMPUS, UM -26 HASIL PADI BOLEH MEROSOT 50 PERATUS, UM -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/5/2021	THE SUN	BRIEFS	3

MAQIS FOILS ATTEMPT TO EXPORT EEL EGGS

SEPANG: The Malaysian Quarantine and Inspection Services department (Maqis) seized a 150kg consignment of *Anguilla Bicolor* eel eggs that was to be exported to Hong Kong via KL International Airport (KLIA) on Monday because there was no export permit. Selangor Maqis director Zamri Hashim said the seizure was made at the KLIA cargo warehouse before the consignment, worth RM61,612, was scheduled to be exported at 9am on the same day. "Further inspection found that there was no Maqis export permit for the merchandise, while the fish health certificate submitted was fake," he said yesterday. The act of exporting fishery products without an export permit is an offence. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/5/2021	SINAR HARIAN	NEGERI	25

Maqis rampas 24 tan susu skim dari Perancis

PASIR GUDANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor merampas kontena yang membawa 24 tan (24,750 kilogram) susu skim dari Perancis di Pelabuhan Pasir Gudang pada Isnin.

Pengarah Maqis Johor, Hizzuan Hasim berkata, ia susulan pemeriksaan dilakukan pihaknya ke atas kon-

tena tersebut pada jam 10.45 pagi.

“Hasil pemeriksaan lanjut, kita mendapati nombor *establishment* dinyatakan dalam sijil kesihatan yang diikrar pada label bungkusan itu mengelirukan.

“Kesemua barang dagangan bernilai RM306,931 itu kemudian ditahan untuk siasatan lanjut,” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/5/2021	SINAR HARIAN	JENAYAH	22

Maqis merampas 150kg benih belut yang cuba dieksporth ke Hong Kong melalui kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada Isnin lalu.



Maqis Selangor rampas 150kg benih belut

SEPANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas benih belut, Anguilla bicolor seberat 150 kilogram (kg) bernilai lebih RM60,000 yang cuba dieksporth ke Hong Kong melalui kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini pada Isnin lalu.

Pengarah Maqis Selangor, Zamri Hashim berkata, tindakan itu dilakukan ketika operasi di gudang kawasan kargo terbabit kira-kira jam 9 pagi.

Menurutnya, benih belut seberat 150kg bernilai RM61,612.50 itu didapati tidak mempunyai Permit Eksport Maqis selain Sijil Kesihatan Perikanan yang dikemukakan adalah palsu.

“Kesalahan mengeksporth dengan hasil perikanan tanpa mempunyai Permit Eksport adalah merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 11 (2), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728],” katanya.

Gagal seludup keluar 150kg benih belut

Kuala Lumpur: Cuba seludup keluar 150 kilogram (kg) benih belut spesies *Anguilla bicolor* bernilai RM61,612.50 melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Tindakan membawa hasil perikanan tanpa permit sah selain memalsukan dokumen itu bagaimanapun berjaya dikesan anggota Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

Pengarah Maqis Selangor, Zamri Hashim berkata, penahanan hasil dagangan itu

dilakukan ketika pihak berkuasa menjalankan operasi di gudang sebelum dagangan itu cuba dieksport pada jam 9 pagi, Isnin lalu.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati terdapat kesalihan pada barang dagangan berkenaan iaitu tidak mempunyai Permit Eksport Ma-

qis. "Sijil Kesihatan Perikanan yang dikedepakan kepada pegawai yang ber-

tugas juga palsu," katanya. Beliau berkata, kesalahan mengeksport dagangan hasil perikanan tanpa mempunyai Permit Eksport adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 11 (2), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

Katanya, jika sabit kesalahan, pelaku boleh didenda tidak

melebihi RM100,000 atau dipenjara atau dipenjarakan selama tempoh tidak

melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

"Maqis sentiasa memandang serius isu dan tindakan penguatkuasaan di semua pintu masuk negara akan terus diperkasa bagi memastikan kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan serta jaminan keselamatan makanan negara terpelihar-

ra. "Langkah proaktif ini adalah bagi menjamin kebuaran pertanian yang masuk ke dalam negara mematuhi syarat serta peraturan ditetapkan kerajaan," katanya.



PENGUAT KLASA Maqis melihat benih belut spesies *Anguilla bicolor* yang dirampas di KLIA.

Semua benih belut spesies *Anguilla bicolor* bernilai RM61,612.50

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/5/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	23

Pesawah rugi benih padi baru tabur dihanyut banjir

JPS diminta teliti saluran rosak didakwa punca sawah mudah tenggelam

Oleh Hassan Omar
bhnews@bh.com.my

Melaka: Seramai 20 pesawah di Kampung Paya Luboh dan Seberang Gajah, Tanjung Kling di sini, rugi kira-kira RM150,000 selepas kira-kira 60 hektar sawah musnah akibat banjir.

Air yang naik setinggi kira-kira 0.9 meter mulai jam 7 pagi Ahad lalu dan surut pada Isnin, menyebabkan anak padi yang baru berusia tiga minggu itu musnah.

Pesawah mendakwa, bencana alam itu yang terburuk sejak lebih tujuh tahun lalu sehingga mereka terpaksa mengeluarkan kos lebih tinggi untuk menanam semula padi.

Suhaimi Mustafa, 62, berkata beliau rugi kira-kira RM30,000 selepas benih yang ditabur tiga minggu lalu dihanyut air, manakala benih yang sudah bercambah mati akibat terendam.

"Kos untuk mesin (membajak) tanah kering, tanah basah, membaja, menyemai dan meracun bagi setiap 0.4 hektar sawah sebanyak RM1,000, sekali gus menyebabkan saya kerugian RM30,000 bagi keseluruhan 12 hektar sawah.



Hanafi mengalami kerugian RM3,000 selepas 1.2 hektar sawahnya di Kampung Seberang Gajah, Tanjung Kling ditenggelami air Ahad lalu. (Foto Hassan Omar/BH)

"Hujan lebat sejak jam 5 pagi Ahad lalu menyebabkan air mula naik ke sawah pada jam 7.30 pagi kerana sistem pengairan dan saluran di sekeliling sawah banyak yang rosak," katanya ketika ditemui di sawahnya di Kampung Paya Luboh, semalam.

Beliau berkata, sebelum ini, hujan lebat tidak pernah menyebabkan banjir seteruk ini dan ia dipercayai berpunca daripada kebanyakan tali air dipenuhi ke lodak lumpur.

Hanafi Zainal, 49, pula mendakwa rugi RM3,000 selepas 1.2 hektar sawahnya ditenggelami air.

"Saya dan pesawah lain tidak mampu berbuat apa-apa, hanya terpaksa membiarkan saja benih yang ditabur tiga minggu lalu rosak," katanya di Kampung Se-

berang Gajah.

Walaupun terpaksa menerima hakikat hujan lebat faktor utama banjir, pesawah tetap meminta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) meneliti semula sistem berkenaan di sawah mereka.

Rakannya, Baharudin Samad, 72, berkata sistem pengairan dan saluran yang sempurna membantu kejayaan penanaman padi dua kali setahun di kawasan terbabit.

Sementara itu, Pengarah JPS negeri, Abdul Hakim Hamzah, berkata penelitian pegawai JPS di kawasan berkenaan mendapati hujan lebat menyebabkan sawah dipenuhi air, manakala paras sungai berhampiran sawah meningkat.

"Ia menyebabkan air dari sawah tidak mampu mengalir ke

sungai dan bertakung dalam sawah, mengakibatkan benih padi rosak," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, JPS akan meneliti sistem pengairan dan saluran sawah di kawasan berkenaan bagi meningkatkan kemampuannya membantu industri penanaman padi.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundur, Datuk Nor Azman Hassan, berkata beliau bersimpati dengan nasib pesawah dan meminta Jabatan Pertanian menyediakan bantuan untuk mereka yang terjejas.

"Banjir menyebabkan sawah mereka tidak menjadi kali ini, tetapi saya minta mereka tidak berputus asa kerana ini ujian atas usaha kita mencari rezeki," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/5/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	23

Tiga bot nelayan dikendali warga Myanmar kena tahan

Balik Pulau: Tiga bot tempatan yang dikendalikan oleh 12 nelayan warga Myanmar ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) selepas dikesan melakukan aktiviti menunda ikan di perairan negara, di sini, kelmarin.

Mereka ditahan pada kedudukan kira-kira 19 batu nautika Barat Daya Pulau Kendi ketika agensi itu melakukan Op Benteng dan Op Pertiwi pada jam 10 pagi.

Pengarah Maritim Negeri Pulau Pinang, Kepten Abd Razak Mohamed, berkata nelayan war-

ga asing itu berusia antara 20 hingga 48 tahun.

Katanya, didapati setiap bot nelayan tempatan itu dikendalikan empat kru termasuk tekong.

"Semua tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri yang sah serta gagal menunjukkan permit kerja daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

"Mereka dibawa ke Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Batu Maung sebelum diserahkan kepada Pegawai Penyiasat Maritim Negeri Pulau Pinang bagi tindakan lanjut," katanya di



Empat daripada 12 nelayan Myanmar yang ditahan Maritim Malaysia kira-kira 19 batu nautika Barat Daya Pulau Kendi, Balik Pulau, kelmarin. (Foto Ihsan Maritim Malaysia)

sini, semalam.

Mengulas lanjut Abd Razak berkata, pihaknya tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak dalam menguatkuasakan undang-undang dan akan

mengambil tindakan tegas.

"Pengusaha atau pemilik bot dinasihatkan mematuhi undang-undang demi memastikan kesejahteraan perairan negara," katanya lagi.

Jual serendah 80 sen sekilogram ekor lambakan hasil buah itu akibat PKP 3.0

Pekebun runsing tembikai tak laku

Oleh AIMUNI TUAN LAH

JELI - Seramai 50 pekebun di Kampung Kuala Balah di sini, terpaksa menjual buah tembikai pada harga serendah 80 sen sekilogram ekor lambakan buah itu kerana kekurangan permintaan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Kebanyakan pekebun terpaksa menurunkan harga serendah itu berbanding kira-kira RM1.50 sekilogram sebelum ini, sekali gus menyebabkan mereka berdepan kerugian sehingga ratusan ribu ringgit.

Tinjauan Kosmo! semalam mendapati, aktiviti jualan buah tembikai di gerai-gerai tepi Jalan Kuala Balah menuju ke pusat bandar Jeli di sini tidak serancak dahulu selepas sekatan rentas daerah dan negeri dilaksanakan sepanjang PKP.

Seorang petani, Ishak Yusuff, 42, berkata, setiap pekebun telah mengeluarkan modal kira-kira RM5,000 bagi setiap satu hektar untuk mengusahakan kebun tembikai pada musim ini.

"Saya dan petani-petani lain juga terpaksa mengadakan kempen beli satu percuma satu buah tembikai kepada pelanggan bagi



ISHAK menunjukkan lambakan buah tembikai di kebunnya di Kampung Kuala Balah, Jeli semalam.

membolehkan buah ini terjual. "Bagaimanapun, buah tembikai masih lagi banyak dan saya bersama petani lain reda apabila mengalami kerugian berganda pada tahun ini," katanya ketika ditemui semalam.

Seorang lagi petani, Ab. Lah

Che Noh, 71, berkata, dia tidak menyangka PKP 3.0 akan dilaksanakan di seluruh negara sekali lagi sehingga menyebabkan hasil tanaman mereka tidak terjual buat tahun kedua berturut-turut.

Menurutnya, dia sepatutnya sudah memasarkan hasil tana-

manya secara berperingkat, namun banyak buah sudah terbiar sehingga busuk di kebunnya disebabkan tiada pasaran.

"Kira-kira tujuh tan buah tembikai sedia dipasarkan musim ini, namun sehingga kini, jualan tidak dapat dijalankan disebabkan

kan tiada pasaran.

"Ketika ini, tiada pemborong datang mengambil buah dan aktiviti jualan di tepi jalan juga kurang mendapat sambutan sehingga menyebabkan kami mengalami kerugian selepas mengeluarkan banyak modal," ujarnya.

Sementara itu, Pegawai Pertanian Jajahan Jeli, Norazreen Shamsudin berkata, Jabatan Pertanian dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan sedang membantu mencari pemborong untuk memasarkan hasil pertanian pekebun tembikai yang mengikat kontrak dengan jabatan tersebut.

Katanya, kebanyakan pekebun yang mengusahakan tembikai di-
dapati di kawasan Kuala Balah dan Lubok Bongor di sini dengan keluasan kira-kira 50 hektar.

"Kami telah membuat kontrak pemasaran dengan Syarikat Beho Supply Sdn. Bhd. untuk mengambil hasil tembikai itu.

"Pembelian pertama bermula tiga hari sebelum Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini dan proses itu sedang berjalan ketika ini.

"Dua hari lalu, mereka masih mengambil 20 tan metrik sehari buah tembikai daripada pekebun," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/5/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32



ANTARA tembakai yang tidak laku dijual di Kuala Balah, Jeli Kelantan hari ini. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

Lambakan buah tembakai, harga jatuh 80 sen sekilogram

Oleh AIMUNI TUAN LAH
utusannews@mediamula.com.my

JELI: Kira-kira 50 pekebun tembakai di Kampung Kuala Balah di sini terpaksa menjual hasil tuaian mereka pada harga 80 sen sekilogram, kurang sekali ganda berbanding RM1.50 hingga RM1.60 harga semasa akibat lambakan buah tersebut ketika ini.

Lebih malang, mereka mungkin berdepan kerugian lebih teruk termasuk tidak pulang modal langsung kerana hasil tuaian tidak laku dipasarkan sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Seorang petani, **Ishak Yusoff**, 42, berkata, mereka biasanya mengeluarkan modal RM5,000 bagi setiap satu hektar kebun yang diusahakan dengan tembakai pada setiap musim.

Katanya, kebanyakan hasil akan keluar secara berperingkat, namun jumlah pekebun yang ramai ketika ini ditambah pemborong yang berkurangan menyebabkan lambakan buah berlaku sehingga ada yang gagal mendapat semula modal mereka.

"Setakat ini saya dan rakan petani lain mengambil inisiatif bersedekah dan mengadakan kempen beli satu percuma satu kepada pelanggan bagi membolehkan hasil tanaman kami terjual.

"Bagaimanapun, buah masih berlambak lagi sedangkan kita tahu tembakai tidak boleh disimpan lama. Saya terpaksa reda

berdepan kerugian berganda pada tahun ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Seorang lagi petani, **Ab. Lah Che Noh**, 71, pula berkata, dia tidak menyangka PKP akan diadakan seluruh negara sekali lagi sehingga menyebabkan hasil tanaman tidak terjual buat tahun kedua berturut-turut.

Katanya, dia sepatutnya sudah memasarkan hasil tanaman secara berperingkat, namun sejumlah tujuh tan tembakai sudah terbiar busuk di kebunnya disebabkan tidak laku dijual secara borong.

"Hingga kini jualan tidak dapat dilakukan disebabkan tiada pasaran. Pada kali ini tiada pemborong datang mengambil buah dan aktiviti jualan tepi jalan kurang sambutan menyebabkan kami rugi selepas mengeluarkan banyak modal," katanya.

Sementara itu, Pegawai Pertanian Jeli, **Norazreen Shamsudin** berkata, Jabatan Pertanian dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan membantu mencari pemborong untuk memasarkan hasil pertanian pekebun tembakai yang mengikat kontrak dengan mereka.

Katanya, kebanyakan penanam yang mengusahakan tembakai adalah di kawasan Kuala Balah dan Lubok Bongor di sini dengan keluasan berjumlah 50 hektar.

"Pihak kami telah membuat kontrak pemasaran dengan Syarikat Beho Supply Sdn. Bhd. untuk mengambil hasil tembakai itu," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/5/2021	UTUSAN MALAYSIA	GAYA INOVASI	24



DODOL yang siap dimasak boleh disimpan sehingga seminggu bergantung kepada cara penyimpanannya
- UTUSAN/ AMIR KHALID

Dodol 12 minit gelombang m

Oleh INTAN SUHANA
CHE OMAR
intansuhana@medianullia.com.my

TAK lengkap hari raya tanpa juadah dodol. Ia bagaikan sudah menjadi menu wajib ketika sambutan Aidilfitri. Mana tidaknya, keenakan rasa lemak manis dan kenyal itu selalunya menjadi santapan ketika berkumpul beramai-ramai bersama keluarga.

Namun, rasa sedapnya itu setimpal dengan usaha yang diperlukan dalam proses pembuatannya. Untuk menghasilkan dodol bukanlah sesuatu yang mudah kerana memerlukan masa yang sangat lama untuk menghasilkan tekstur yang kenyal dan lembut. Tak sah kalau tak lenguh tangan mengacau dodol!

Tapi kini, memasak dodol bukan lagi sesuatu yang sukar. Tanpa menggunakan kawah yang besar dan proses mengacau sehingga berjam-jam lamanya, dodol kini boleh sedia terhidang dalam sekelip mata dengan inovasi teknologi.

Ia direalisasikan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), yang membangunkan tepung pracampuran dodol 12 minit yang praktikal dan mudah.

Tepung pracampuran yang diperbuat daripada bahan-bahan seperti gula, serbuk santan, tepung beras pulut, tepung beras campuran, garam dan pewarna yang dibenarkan itu hanya perlu dipanaskan di dalam ketuhar gelombang mikro selama 12 minit sebelum dihidangkan.

Pegawai Penyelidik Kanan, Pusat Penyelidikan Sains dan Teknologi Makanan MARDI, Mohamed Nazim Anwarali berkata, inovasi ini bertepatan dengan kehendak masyarakat moden inginkan cara hidup lebih mudah dan ringkas.

"Proses pembuatan dodol secara tradisional mengambil masa sekitar 8 hingga 9 jam. Melalui inovasi ini kami dapat memendekkan kepada hanya 12 minit dengan pemanasan menggunakan ketuhar.

"Malah, proses pembuatan yang singkat itu juga tidak memerlukan tenaga yang ramai. Seorang pun sudah cukup. Ia juga sangat bertepatan dengan kehendak ramai masa kini yang inginkan sesuatu yang senang



NAZIM (kiri) bersama F dimasak dan disimpan

**Proses pembu-
dodol secara
tradisional
mengambil ma-
sekitar 8 hingg
9 jam. Melalui
inovasi ini kan
dapat memenc
masa kepada
hanya 12 minit**

dan mudah disediakan
tanya kepada Utusan

Tepung pracampur
itu dibangunkan sejak
ia mengalami banyak
penambahbaikan dal
hasilkan tekstur dodo
sentuhan tradisional l
dan pada segi kelezate

Kata Nazim, inovas
itu dibangunkan men
kaedah pengelatinan
gunakan ketuhar gelo
mikro yang memperc
proses berkenaan.

"Rumusannya muc
apabila kanji daripada

Dodol 12 minit ketuhar gelombang mikro

Oleh INTAN SUHANA
CHE OMAR
intan.suhana@mediamula.com.my

TAK lengkap hari raya tanpa juadah dodol. Ia bagaikan sudah menjadi menu wajib ketika sambutan Aidilfitri. Mana tidaknya, keenakan rasa lemak manis dan kenyal itu selalunya menjadi santapan ketika berkumpul beramai-ramai bersama keluarga.

Namun, rasa sedapnya itu setimpal dengan usaha yang diperlukan dalam proses pembuatannya. Untuk menghasilkan dodol bukanlah sesuatu yang mudah kerana memerlukan masa yang sangat lama untuk menghasilkan tekstur yang kenyal dan lembut. Tak sah kalau tak lenguh tangan mengacau dodol!

Tapi kini, memasak dodol bukan lagi sesuatu yang sukar. Tanpa menggunakan kawah yang besar dan proses mengacau sehingga berjam-jam lamanya, dodol kini boleh sedia terhidang dalam sekelip mata dengan inovasi teknologi.


Ia direalisasikan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian, Malaysia (MARDI), yang membangunkan tepung pracampuran dodol 12 minit yang praktikal dan mudah.

Tepung pracampuran yang diperbuat daripada bahan-bahan seperti gula, serbuk santan, tepung beras pulut, tepung beras campiran, garam dan pewarna yang dibenarkan itu hanya perlu dipanaskan di dalam ketuhar gelombang mikro selama 12 minit sebelum dihidangkan.

Pegawai Penyelidik Kanan, Pusat Penyelidikan Sains dan Teknologi Makanan MARDI, Mohamed Nazim Anwarali berkata, inovasi ini bertepatan dengan kehendak masyarakat moden inginkan cara hidup lebih mudah dan ringkas.

"Proses pembuatan dodol secara tradisional mengambil masa sekitar 8 hingga 9 jam. Melalui inovasi ini kami dapat memendekkan kepada hanya 12 minit dengan pemanasan menggunakan ketuhar.

"Malah, proses pembuatan yang singkat itu juga tidak memerlukan tenaga yang ramai. Seorang pun sudah cukup. Ia juga sangat bertepatan dengan kehendak ramai masa kini yang inginkan sesuatu yang senang



NAZIM (kiri) bersama Faiz menunjukkan dodol dua minit yang siap dimasak dan disimpan di dalam bekas plastik untuk penyimpanan.



Proses pembuatan dodol secara tradisional mengambil masa sekitar 8 hingga 9 jam. Melalui inovasi ini kami dapat memendekkan masa kepada hanya 12 minit."

dan mudah disediakan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Tepung pracampuran dodol itu dibangunkan sejak 2007. Ia mengalami banyak proses penambahbaikan dalam menghasilkan tekstur dodol seakan sentuhan tradisional khususnya daripada segi kelazatannya.

Kata Nazim, inovasi dodol itu dibangunkan menggunakan kaedah pengelatinan menggunakan ketuhar gelombang mikro yang mempercepatkan proses berkekaan.

"Rumusnya mudah, apabila kanji daripada tepung

yang kita gunakan dicampurkan dengan air dan dipanaskan, air berkekaan akan masuk ke dalam ruang-ruang kanji dan menyebabkan adunan berkeimbangkan. Itu yang terjadi semasa proses memasak di dalam ketuhar.

"Selepas adunan dikeluarkan daripada ketuhar dan digaulkan sehati sehingga sejuk seterusnya ia mengalami proses retrogradasi di mana molekul kanji tersusun rapat selepas penyejatan dan menjadi liat," jelasnya.

Biarpun teksturnya liat, namun ia tidak terlalu melekit dan mudah untuk dihidangkan.

PEK MUDAH DIBAWA

Bukan sahaja cara penyediaan yang mudah, malah produk ini hadir dengan pembungkusan mesra pengguna. Ia mudah dibawa kemana sahaja dengan pek 500 gram (g) yang sesuai untuk hidangan enam hingga tujuh orang.

Oleh itu, ia amat sesuai bagi mereka yang gemar menikmati dodol segar dari ketuhar.

Dengan inovasi tepung pracampuran yang telah diformulasi dengan bahan-bahan kering, satu pek berkenaan dapat bertahan sekitar tiga hingga empat bulan.

DODOL 12 MINIT



1 Campurkan tepung pracampuran bersama 350 gram air dan 50 gram minyak masak.



2 Kisar dalam mesin pencampuran sehingga semua bahan sebati (sekitar dua minit).



4 Panaskan ketuhar selama dua minit pada mod sederhana tinggi.

5 Masukkan adunan ke dalam ketuhar dan panaskan selama enam minit menggunakan mod sederhana tinggi.



6 Selepas enam minit, keluarkan dodol dari ketuhar dan gaulkan dengan segera ketika masih panas sehingga adunan menjadi sebati.

7 Adunan yang pada asalnya agak cair akan menjadi semakin kental apabila dididihkan selama lebih kurang 12 minit.

Menurut Pembantu Pegawai Penyelidik, Mohd. Faiz Che Mohd. Noor berkata, biarpun makanan tradisi telah dimodifikasi ia tetap mengekalkan rasa sensasi dodol walaupun tidak seratus peratus sama

seperti resepi tradisional. "Kalau nak dibandinkan dengan resepi tradisional memang agak berbeza tetapi rasa dodol itu tetap. "Kerana tidak boleh dinafikan kaedah memi

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/5/2021	UTUSAN MALAYSIA	GAYA INOVASI	25

DODOL 12 MINIT



1 Campurkan tepung pracampuran bersama 350 gram air dan 50 gram minyak masak.



2 Kisar dalam mesin pengisar sehingga semua bahan sebati (sekitar dua minit).

3 Tuangkan adunan ke dalam bekas atau mangkuk tahan haba sesuai untuk penggunaan ketuhar.



4 Panaskan ketuhar selama dua minit pada mod sederhana tinggi.

5 Masukkan adunan ke dalam ketuhar dan panaskan selama enam minit juga menggunakan mod sederhana tinggi.

8 Masukkan semula adunan ke dalam ketuhar dan panaskan lagi selama enam minit.

9 Keluarkan adunan dan kacau lagi adunan selama satu minit.



6 Selepas enam minit, keluarkan dodol dari ketuhar dan gaulkan dengan segera ketika masih panas sehingga adunan menjadi sebati.

7 Adunan yang pada awalnya agak cair akan menjadi semakin kental apabila dikacau sebati selama lebih kurang tiga minit.



10 Dodol 12 minit siap dihidangkan.

Menurut Pembantu Pegawai Penyelidik, Mohd. Faiz Che Mohd. Noor berkata, biarpun makanan tradisi telah dimodenkan ia tetap mengekalkan rasa sensasi dodol walaupun tidak seratus peratus sama

seperti resepi tradisional. "Kalau nak dibandingkan dengan resepi tradisional memang agak berbeza rasanya tetapi rasa dodol itu tetap ada. "Kerana tidak boleh dinafikan kaedah memasak

secara tradisional melalui proses penyejatan yang lama dan daya kacau yang lama menghasilkan rasa yang enak," jelasnya. Selain itu, MARDI turut mengalu-alukan usahawan

yang berminat untuk memasarkan inovasi berkenaan dan hadir mengikuti kursus yang dianjurkan bagi. Harga kos bagi setiap pek tepung pracampuran dianggarkan sekitar RM6.50.

Pelajar bina sistem pertanian bandar

**Oleh INTAN SUHAMA
CHE OMAR**
intan.suhama@medianullia.com.my

SERAMAI 30 penuntut tahun satu program Ijazah Sarjana Muda Sains Senibina, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjayanya membangunkan reka bentuk modul sistem pertanian bandar (moden). Ia untuk melaksanakan aktiviti penanaman sendiri sebagai sumber makanan bagi memastikan sekuriti makanan tidak terjejas.

Idea reka bentuk modul sistem ini adalah hasil kerjasama Jabatan Pertanian Batu Pahat, Pejabat FAMA Batu Pahat dan Suria Bistari Agrotech Enterprise. Ia adalah sebahagian daripada projek semester yang sedang berjalan dan bagi memenuhi keperluan kursus Studio Senibina.

Bagi meningkatkan lagi pengetahuan asas dan kemahiran penuntut terbabit, mereka turut mendapat bimbingan daripada pensyarah kursus Binaan Bangunan dan kursus Kelesteraian Dalam Senibina. Menurut Ketua Projek,



SEBAHAGIAN pelajar dan tenaga pengajar melihat reka bentuk modul sistem pertanian bandar yang dibangunkan di Batu Pahat, Johor.

Nadiyah Noor Hisham, projek ini mengambil masa selama empat minggu bermula daripada fasa reka bentuk sehinggalah penghasilan modul. Katanya, sistem pertanian moden direka bentuk oleh penuntut jurusan senibina ini menggunakan kaedah pembinaan kayu sebagai struktur utama.

Antara lima modul sistem yang telah dibangunkan,

terdapat satu modul berasaskan sistem akuaponik yang mana penternakan ikan keli sebagai asas kepada sistem pembajaan melalui air yang melalui setiap corong tanaman.

“Selain itu, terdapat juga modul sistem yang mengintegrasikan penternakan ayam yang mana najis yang terhasil akan dikumpulkan, dikeringkan dan digunakan dalam

penghasilan baja serta akhirnya untuk kegunaan tanaman agar lebih subur “Setiap reka bentuk yang dihasilkan menjadi sangat menarik dan memberikan input tambahan kepada sistem sedia ada memandangkan harga untuk sistem sedia ada adalah agak tinggi dan kurang sesuai,” katanya.

Perkara ini diakui oleh wakil Jabatan Pertanian Batu

Pahat, Kamaruzzaman Abd. Salam.

Katanya, idea reka bentuk dan inisiatif yang dihasilkan oleh penuntut senibina ini sangat berpotensi untuk dikomersialkan kerana mempunyai keunikan tersendiri dan bernilai tinggi.

Bagaimanapun, beliau mencadangkan beberapa penambahbaikan dan ubah suai perlu dilakukan pada sistem tersebut.

Sementara itu, Pegawai FAMA Daerah Batu Pahat, **Azwan Akmat Berkata**, usaha itu dapat menggalakkan aktiviti pembelajaran dan lebih banyak penyelidikan berpotensi dijalankan khususnya kepada pihak yang berminat dengan sistem pertanian moden.

“Menerusi sistem pertanian moden, pelbagai manfaat diperolehi antaranya memudahkan suri rumah dan penduduk bandar.

“Ia juga membantu mengurangkan perbelanjaan isi rumah dalam situasi pasca Covid-19 dan dapat menjamin bekalan makanan yang mencukupi malah lebih menjimatkan pada masa akan datang,” kata Nadiyah.

Projek itu turut mendapat tajaan Suria Bistari Agrotech Enterprise.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/5/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Hasil padi boleh merosot 50 peratus



PEMANDANGAN anak padi lembik dan patah setelah ditenggelami air selama beberapa hari akibat masalah saliran di Kampung Sena, Kangar Perlis hari ini.- UTUSAN

KANGAR : Setelah masalah kawasan padi tenggelam di beberapa kawasan negeri ini mula selesai dengan pembukaan pintasan air di projek pembinaan ampang rendah di Denai Larian Sungai Perlis, Pengkalan Asam, namun, kesan kepada pesawah masih dirasai apabila anak pokok padi pula mengalami kerosakan.

Hal demikian boleh menyebabkan hasil padi merosot sehingga 50 peratus dengan keluasan 0.28 hektar dahulu boleh mencapai pendapatan sekitar RM1,500 dan masalah ini bakal menyebabkan pendapatan berkurangan antara RM700 hingga RM800 sahaja.

Petani dari Kampung Sungai Bakong, Mohd Faizal Mohd Arif, 44, berkata, air di kawasan sawahnya mulai surut kira-kira satu meter sejak pintasan tersebut dibuat pada Ahad lalu.

Bagaimanapun katanya, oleh kerana anak padi tersebut yang mula ditabur sejak 10 Ramadan lalu itu tenggelam terlalu lama antara empat hingga lima hari menyebabkan anak pokok tersebut menjadi lembik.

“Kalau dah lembik mungkin kami perlu tabur semula atau sulam dengan anak pokok baharu yang pastinya memakan kos. Masalah lagi akan menyebabkan penyakit atau serangan serangga perosak kerana padi tidak masak sama dengan yang lain.

“Kalau mahu menyulam anak padi baharu pula, kos adalah lebih tinggi daripada tabur semula. Kos dan upah untuk satu ketul anak semaian adalah masing-masing RM8 dan kalau untuk 0.28 hektar perlu sebanyak 40 ketul. Jadi kos untuk satu petak dianggarkan RM640 untuk semaian berbanding RM500 jika tabur semula,” katanya di sini hari ini.

Selasa lalu, akhbar ini melaporkan, kira-kira 500 pesawah di negeri ini mengeluh apabila sawah padi mereka di kawasan seluas 896 hektar ditenggelami air sehingga paras pinggang dengan anggaran kerugian mencecah ratusan ribu ringgit berikutan hujan lebat kebelakangan ini.

Antara kawasan sawah terlibat ialah di Alor Banat; Kampung Teluk; Kampung Seri Gelam; Kampung Sungai Bakong; Kampung Sena dan beberapa kawasan lain.

Masalah tersebut didakwa sudah berulang kali berlaku, malah pesawah turut menyalahkan sistem saliran yang dikaitkan dengan projek pembinaan ampang rendah di Sungai Perlis, Pengkalan Asam di sini oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Rentetan itu, JPS negeri mengalihkan sebahagian bongkah projek pembinaan ampang rendah di Denai Larian Sungai Perlis, Pengkalan Asam bagi membuat pintasan untuk mempercepatkan laluan air.

Sementara itu, Mohd Faizal berkata, para pesawah juga buntu sama ada dapat menyulam anak padi baharu kerana perlu mencari pihak yang masih menjual anak padi dengan umur yang bersesuaian.

“Jika kami tidak dapat cari anak padi ini, maka terpaksa dibiarkan sahaja. Sudah tentulah hasil yang diperoleh juga akan jatuh. Kalau dulu boleh dapat kira-kira RM1,500 hingga RM1,800 untuk 0.28 hektar, kini mungkin boleh dapat antara RM700 hingga RM800 sahaja.

“Lebih-lebih lagi bagi yang banyak menyewa petak sawah kerana kos sewa ada antara RM600 ke RM700. Jadi macam kami tolong usahakan sawah padi sahaja tapi tak dapat pulangan,” ujarnya.-
UTUSAN ONLINE